

13 JAN 1996

Muhyiddin - Program

KEM BELIA LANCAR PROGRAM PIMPINAN BELIA PERDANA

SEREMBAN, 13 Jan (Bernama) -- Satu program baru, Pimpinan Belia Perdana, yang bertujuan melahirkan kira-kira 500,000 pemimpin dalam tempoh lima tahun akan dilancarkan tidak lama lagi, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Menurut beliau, program itu yang turut mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menggunakan tiga tahap dengan Latihan Kepimpinan atau Melatih Para Pelatih sebagai permulaan.

"Bagi peringkat awal ini, sebanyak 1,000 hingga 1,500 pemimpin akan dilatih", katanya pada majlis perjumpaan dengan pemimpin belia dan pertubuhan bukan kerajaan di Dewan Theatrette, Wisma Negeri di sini.

Bagaimanapun katanya, walaupun Kementerian menjangka dapat melatih 500,000 orang dalam tempoh berkenaan namun sasarannya nanti hanya akan berjumlah kira-kira 150,000 orang.

Beliau berkata program baru ini dijangka membabitkan perbelanjaan lebih RM230 juta dan akan menjadi teras Kementerian, yang bertujuan melatih secara intensif dalam bidang yang dianggap perlu dan utama kepada pemimpin belia atau masyarakat.

"Sehubungan itu, Kementerian akan mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan tetapi buat permulaan, peruntukan Kementerian Belia dan Sukan akan digunakan dahulu".

Muhyiddin berkata mereka yang mengikuti program itu akan dipilih dari setiap daerah dan negeri bagi memastikannya dilaksanakan secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu di Kuala Lumpur sahaja.

"Ia secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan dengan membawa mereka yang terpilih menjalani latihan ke ibu negara", katanya.

Beliau berkata, Kementerian akan menggunakan kemudahan yang sedia ada melalui bantuan kerajaan pusat, Kementerian, kerajaan negeri, kerajaan tempatan atau menyewa jika perlu. -- BERNAMA